



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERBELANJAAN PERSEKOLAHAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PRESTASI PELAJAR
(KAJIAN KES SEKOLAH MENENGAH DI TELUK INTAN DAN IPOH)**

**MUHAMMAD NIDZAM YAAKUB
200301285**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Mac 2006

MUHAMMAD NIDZAM YAAKUB
200301285



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

Kertas projek yang bertajuk " Perbelanjaan Persekutuan dan Hubungannya dengan Prestasi Pelajar (Kajian Kes Sekolah Menengah di Teluk Intan dan Ipoh) " oleh MUHAMMAD NIDZAM BIN YAAKOB merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan (Ekonomi) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi , Universiti Pendidikan Sultan Idris

Diluluskan Oleh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

(Pn Nurhanie Bt Mahjom)
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Penyelia/Pemeriksa)

Tarikh: 18/05/06



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya menjadikan kajian ini satu kenyataan.

Pertamanya kepada Penyelia Kertas Projek , Prof Dr Osman Rani Bin Hassan dan juga kepada penyelia saya yang kedua Pn Nurhanie Bt Mahjom di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini.Terima kasih juga kepada rakan-rakan sekuliah dan juga guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sg Sumun, Perak.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak responden dari SMK Anderson Ipoh dan juga SMK Khir Johari, Sg Sumun yang telah membantu dan memberikan kerjasama kepada saya dalam melengkapkan kertas projek ini.

Penghargaan istimewa kepada isteri(Norsalawati Abu Bakar) dan anak-anak (Mohd Kamal Hanif dan Adam Nadzmi) di atas doa , kesabaran dan pengorbanan kalian.



Syukur kepada Allah di atas keizinannya yang memungkinkan segalanya berlaku mengikut ketentuannya.

TERIMA KASIH





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara perbelanjaan persekolahan oleh ibubapa dengan prestasi pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah. Kajian ini juga mengambil kira faktor-faktor lain yang mempengaruhi prestasi pelajar di Sekolah Menengah. Sampel untuk kajian ini adalah melibatkan 96 orang pelajar Tingkatan Empat dari Sekolah Menengah Khir Johari, Sg Sumun Perak dan juga Sekolah Menengah Anderson Ipoh. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan borang soal selidik yang boleh dikategorikan kepada perkara yang berkaitan dengan latar belakang pelajar, prestasi pelajar , latarbelakang ibu bapa dan juga berkaitan dengan perbelanjaan persekolahan yang di tanggung oleh ibubapa. Data yang telah dikumpul oleh penyelidik di analisis dengan menggunakan perisian ‘ Statistical Package for Social Science (SPSS), version 11.0 for Windows’. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara perbelanjaan persekolahan pelajar dengan prestasi pelajar terutamanya melalui tuisyen. Terdapat juga faktor – faktor lain yang mempengaruhi prestasi pelajar iaitu faktor pendidikan ibu bapa dan juga pendapatan keluarga yang didapati terdapat hubungan yang positif.





ABSTRACT

The purpose of this study is to find out the financial burden of schooling and the relationship between parent's expenditure on schooling and student's performance. This study also include some other factors that may influence student's performance. This study involved 96 form four students and their parents from two schools in Teluk Intan and Ipoh. The instrument used in this research is a set of questionnaire which can be categorized into five aspects; student's performance, parent's personal details and parent's expenditure on schooling. The data was analysed using 'Statistical Package for Social Science (SPSS) 'version 11.0 for Windows. The results showed positive relationship between parent's expenditure on educations and students performance. Other factors that influence student's performance are parent's education level and parent's income level.





KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	li
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAHAGIAN



1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	3
1.3 Penyataan masalah	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Soalan kajian	6
1.6 Hipotesis kajian	7
1.7 Kepentingan kajian	8





1.8 Subjek Penyelidikan dan pengumpulan data	8
1.9 Batasan kajian	9
1.9.1 Batasan subjek dan masa	9
1.9.2 Batasan sampel	10

2 PENDEKATAN TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendekatan Teori	11
2.1.1 Teori Pembezaan	11
2.2 Tinjauan Literatur	12
2.2.1 Konsep perbelanjaan persekolahan dan beban yang ditanggung	13
2.2.2 Hubungan lokasi mempengaruhi prestasi	15
2.2.3 Sikap pelajar mempengaruhi prestasi	16
2.2.4 Hubungan pendidikan ibu bapa dan faktor sosioekonomi mempengaruhi prestasi	17



3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Model Penyelidikan	20
3.2 Definasi pembolehubah	21
3.2.1 Perbelanjaan persekolahan	21
3.2.2 Prestasi pelajar	22
3.3 Subjek penyelidikan	23





3.3 Instrumen Penyelidikan dan Prosedur Pengumpulan Data	23
3.5 Analisis data	24
4 DAPATAN KAJIAN	26
4.1 Kajian rintis	26
4.2 Analisis dapatan kajian	27
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	42
5.1 Pendahuluan	42
5.2 Ringkasan Kajian	42
5.3 Kesimpulan	43
5.4 Cadangan	44
BIBLIOGRAFI	47
LAMPIRAN 1: Soal Selidik	52





Senarai Jadual

Senarai Jadual

Mukasurat

Jadual 4.1	Korelasi antara tuisyen, alat tulis dan buku kerja dengan prestasi pelajar	27
Jadual 4.2	Korelasi antara pendapatan, jumlah tanggungan yang bersekolah dan jarak dengan prestasi pelajar	29
Jadual 4.3	Korelasi antara wang saku dan lain-lain perbelanjaan dengan prestasi pelajar	30
Jadual 4.4	Regresi antara perbelanjaan persekolahan, lokasi dan buku kerja dengan prestasi	31
Jadual 4.5	Regresi antara perbelanjaan tuisyen, lokasi dan buku kerja dengan prestasi.	33
Jadual 4.6	Perbelanjaan untuk wang saku, tuisyen, pengangkutan, alat tulis, yuran , pakaian seragam, lain lain perbelanjaan dan buku kerja sebagai peratus daripada perbelanjaan ibu bapa bagi seorang pelajar dalam setahun	34





Jadual 4.7	Jumlah perbelanjaan persekolahan untuk semua anak dalam keluarga untuk setahun	37
Jadual 4.8	Perasaan bebanan persekolahan oleh ibubapa mengikut kaum	37
Jadual 4.9	Perasaan bebanan persekolahan oleh ibubapa mengikut pendapatan	38
Jadual 4.10	Perasaan bebanan persekolahan oleh ibubapa mengikut jenis pekerjaan	39
Jadual 4.11	Purata Markah BM, BI, MT, SN , SJ dan purata markah keseluruhan	40





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1

Model Penyelidikan

20



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

Maksud

BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
SJ	Sejarah
SN	Sains
Mate	Matematik
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
B	Bandar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan hari ini berdepan dengan cabaran daripada generasi yang semakin pintar. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dan berdaya maju, malah pendidikan juga berperanan dalam melahirkan individu yang mampu berfikir dan berkemahiran tinggi dalam pasaran buruh selaras dengan kemajuan teknologi. Kemajuan negara yang di dorong oleh buruh yang berkemahiran tinggi adalah sangat penting untuk merealisasikan matlamat pembangunan sesebuah negara. Namun begitu, untuk mencapai prestasi yang tinggi dalam sesuatu bidang , perkara utama yang perlu ada bagi seseorang individu ialah motivasi untuk menambahkan ilmu (C. A. Anderson, 1974).

Dari sudut pandangan lain, perbelanjaan persekolahan merupakan satu jenis beban yang berat kepada ibu bapa dari keluarga yang miskin. Anak-anak dari keluarga yang miskin selalu tercincir akibat ibu bapa tidak mampu membayar perbelanjaan persekolahan mereka. Ibu bapa terpaksa memberhentikan





persekolahan anak-anak untuk meringankan tanggungan perbelanjaan keluarga . Akibatnya masalah kemiskinan akan berterusan kerana tidak mampu untuk mengubah nasib keluarga mereka. Keadaan ini mungkin lebih serius lagi di kawasan bandar, kerana kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding dengan kos sara hidup di kawasan luar bandar (Dr. Harold Wenglinsky (1997) dan Harp (1997). Ini juga telah dibuktikan oleh Bloom yang menganggap perbezaan dalam tahap pencapaian adalah ditentukan oleh kemudahan input yang diperolehi oleh pelajar melalui cara perbelanjaan pelajar. Dapatan ini di sokong oleh Murphy (1981) dengan hasil kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara prestasi dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh pelajar.

Mengikut Anas (2000) perbelanjaan persekolahan yang dibelanjakan oleh ibu bapa terhadap anak mereka merupakan pelaburan jangka panjang. Ibu bapa sentiasa mengharapkan pelaburan yang dibuat akan mendatangkan pulangan yang setimpal. Semakin tinggi pulangan yang dijangkakan akan menyebabkan perbelanjaan ke atas pendidikan pelajar semakin meningkat. Sebaliknya semakin rendah pulangan yang dijangkakan akan merendahkan pelaburan terhadap pendidikan anak mereka.

Perbelanjaan terhadap persekolahan pelajar adalah antara faktor yang mempunyai kekuatan dan impaknya yang tersendiri dalam mewujudkan hubungan dengan pencapaian akademik seseorang individu. Keadaan ini akan dapat menerangkan bahawa penerokaan ilmu akan melibatkan perbelanjaan pendidikan yang besar dan perbelanjaan awal yang terlibat adalah perbelanjaan





persekolahan seperti tuisyen dan juga penggunaan buku-buku rujukan tambahan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dasar Pendidikan: Kajian Faktor Ekonomi dan Prestasi Pelajar, 1996).

1.2 Latar belakang

Perbelanjaan persekolahan boleh dikaitkan dengan prestasi pelajar di sekolah. Terdapat banyak penemuan dan hasil kajian yang membuktikan prestasi pelajar mempunyai hubungan yang positif dengan perbelanjaan persekolahan. Perbelanjaan persekolahan dikenalpasti terbahagi kepada beberapa bahagian . Antaranya ialah perbelanjaan tuisyen, buku kerja dan yuran sekolah. Di antara perbelanjaan yang tersenarai, timbul persoalan yang mana satukah memberikan pengaruh yang paling kuat kepada prestasi pelajar (David Myron ,2003)

Selain daripada perbelanjaan persekolahan, terdapat juga faktor lain yang turut mempunyai hubungan dengan prestasi pelajar. Di antaranya ialah tahap pendidikan ibu bapa, tingkat pendapatan ibu bapa, jenis sekolah, lokasi sekolah, dan jarak dari sekolah ke rumah. Kesemua faktor ini dapat mempengaruhi prestasi pelajar pada tahap yang berbeza. (Dr Harold Wenglinsky ,1997)

Noraini (1994), dalam kajiannya membuktikan bahawa pelajar dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi adalah lebih maju dalam persekolahan berbanding dengan pelajar dari keluarga yang mempunyai





status sosioekonomi yang rendah. Ini kerana ibu bapa berkemampuan untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang selesa untuk belajar dan situasi ini akan mempengaruhi prestasi persekolahan pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Objektif kajian ini ialah mengenalpasti sejauh mana faktor perbelanjaan pelajar mempengaruhi prestasi pelajar dalam peperiksaan. Dalam kajian ini, prestasi pelajar didefinisikan sebagai keputusan peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 4 yang merangkumi matapelajaran Matematik, Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Sains. Ini adalah kerana markah yang diperolehi adalah sama dari segi standard untuk semua sekolah dalam satu daerah.



Pelbagai pandangan yang membuktikan bahawa adanya hubungan antara perbelanjaan pelajar dengan prestasi pelajar. Pandangan ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan:

1. Pengkaji yang mengatakan tidak terdapat sebarang hubungan antara perbelanjaan persekolahan dengan prestasi pelajar. (Hanushek, Dr. Harold, James Peysen & Robert Costrell, 2004)
2. Pengkaji yang mengatakan terdapat hubungan yang lemah antara perbelanjaan persekolahan dengan prestasi pelajar. (Diane Pan, Zena Rudo, 2003)





3. Pengkaji yang mengatakan terdapat hubungan yang positif dan jelas antara perbelanjaan persekolahan dengan prestasi pelajar (Harp, 1997).

Kumpulan (a) mengatakan terdapat faktor lain yang lebih dominan mempengaruhi prestasi pelajar. Antaranya ialah tahap pendidikan ibu bapa, dan sikap pelajar terhadap pelajaran mereka. Kumpulan (b) pula dalam kajian mereka membuktikan perbelanjaan terhadap bahagian tertentu sahaja dalam perbelanjaan persekolahan yang mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi pelajar. Antaranya ialah perbelanjaan untuk mengurangkan nisbah pelajar dengan guru dan perbelanjaan untuk kelas tambahan. Manakala Kumpulan (c) membuktikan perbelanjaan persekolahan mempunyai hubungan yang jelas dan positif dengan prestasi pelajar. Prestasi pelajar boleh ditingkatkan dengan cara meninggikan perbelanjaan terhadap perbelanjaan persekolahan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang di jalankan ini secara umumnya akan mengkaji hubungan antara perbelanjaan dengan prestasi pelajar. Secara terperinci berikut ialah objektif kajian yang ingin di capai:

1. Mengkaji peranan perbelanjaan persekolahan sekolah menengah di bandar dan di luar bandar serta hubungannya dengan prestasi.





2. Mengukur kekuatan hubungan antara perbelanjaan persekolahan dengan prestasi akademik pelajar.

3. Menyenaraikan faktor lain yang mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar.

1.5 Soalan-soalan Kajian

1. Adakah terdapat hubungan antara perbelanjaan persekolahan pelajar dengan pencapaian akademik pelajar?

Soalan kajian ini penting kerana perbelanjaan persekolahan adalah merupakan sebahagian dari perbelanjaan pendidikan. Kajian ini cuba untuk

mengupas apakah komponen perbelanjaan persekolahan yang mempengaruhi prestasi pelajar. Kecemerlangan pelajar sangat bergantung kepada nilai faedah yang diperolehi daripada pelaburan dalam bidang pendidikan.

2. Adakah terdapat perbezaan perbelanjaan persekolahan oleh pelajar di bandar dan di luar bandar ?

Rasionalnya persoalan kajian ini adalah kerana lokasi yang berbeza antara bandar dan luar bandar akan mempengaruhi jumlah perbelanjaan pelajar. Ada pendapat yang mengatakan kawasan bandar lebih memerlukan perbelanjaan tinggi berbanding dengan di luar bandar.





3. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian prestasi akademik di antara pelajar sekolah menengah di bandar dengan luar bandar.

Objektif persoalan kajian ini untuk mengenalpasti prestasi pelajar antara bandar dengan luar bandar dan melihat kepada corak perbelanjaan pelajar yang mempengaruhi prestasi.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang telah di bentuk bagi setiap persoalan kajian di atas adalah:



H_0 : Tidak terdapat perbezaan jenis perbelanjaan persekolahan pelajar di bandar dan di luar bandar ?

Hipotesis Nol 2

H_0 : Tidak terdapat hubungan antara perbelanjaan persekolahan pelajar dengan prestasi akademik pelajar?

Hipotesis Nol 3

H_0 : Tidak terdapat perbezaan pencapaian prestasi akademik pelajar sekolah menengah di bandar dan di luar bandar?





1.7 Kepentingan kajian

Kajian terhadap perbelanjaan persekolahan ini penting kerana nilainya adalah di antara 15% hingga 20% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan negara. Perbelanjaan ini meningkat dengan cepat sejak dari tahun 1985. Kerajaan juga membelanjakan 25% daripada pendapatan negara ke atas pendidikan setiap tahun. Peruntukan juga diberikan pada Skim Baucer Tuisyen dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pelajar keseluruhannya.

(Salleh Mohd Hussin, 2004)

Hasil penyelidikan ini boleh digunakan sebagai panduan ibu bapa, pihak sekolah dan kerajaan untuk merancang program peningkatan prestasi



1.8 Subjek Penyelidikan dan Pengumpulan Data

Populasi yang akan dikaji ialah ibu bapa pelajar dan pelajar Tingkatan 4 sekolah menengah di dua daerah iaitu di Ipoh dan Teluk Intan. Teknik atau cara persampelan yang akan digunakan ialah persampelan kelompok. Bagi mewakili kawasan luar bandar, sekolah di Teluk Intan dipilih untuk dijadikan sampel. Manakala untuk mewakili populasi bandar pula sekolah di Ipoh akan dipilih untuk dijadikan sebagai sampel. 96 orang pelajar dan 96 orang ibubapa telah dipilih untuk mewakili sampel.





Soal selidik yang mengandungi maklumat tentang jenis sekolah, kawasan, perbelanjaan yang terlibat, tahap pendidikan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar disediakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Setelah dikumpulkan semua borang soal selidik, data-data ini kemudian akan diproses menggunakan program SPSS.

1.9 Batasan Kajian

Setiap kajian ada limitasinya. Sesuatu dapatan kajian mungkin terhad ketepatannya, bergantung kepada teori yang digunakan sebagai asas penyelidikan , populasi dan bilangan sampel yang di gunakan serta kejujuran subjek kajian menjawab soal selidik. Limitasi ini perlu dijelaskan bagi membantu pembaca menilai limitasi yang berkaitan dengan dapatan sesuatu kajian (Sidek, 2002: 163). Kajian ini dijalankan mengikut batasan tertentu seperti berikut:

1.9.1 Batasan subjek dan masa

Kajian ini hanya tertumpu kepada dua kategori sekolah sahaja iaitu Sekolah Menengah Anderson, Ipoh mewakili sekolah kategori bandar manakala Sekolah Menengah Khir Johari, Teluk Intan untuk kawasan luar bandar. Masa yang digunakan untuk menjalankan kajian ini juga adalah agak singkat dan terhad untuk menentukan sejauhmanakah pengaruh perbelanjaan persekolahan pelajar mempengaruhi prestasi pelajar secara keseluruhannya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



10 ptbupsi

1.9.2 Batasan Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar dan ibu bapa dari dua kawasan iaitu bandar dan luar bandar. Bagi kawasan bandar , 35 orang pelajar dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian manakala bagi kawasan luar bandar pula seramai 61 pelajar telah di pilih. Jadi seramai 96 pelajar dan 96 orang ibu bapa dijadikan sebagai sampel kajian ini. Saiz sampel yang agak kecil akan menjelaskan dapatan kajian ini. Walaubagaimanapun segala dapatan kajian ini hanya boleh menggambarkan hubungan antara perbelanjaan persekolahan dengan prestasi pelajar dalam matapelajaran teras sahaja dan bukannya matapelajaran elektif.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi